


**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**TATACARA PENGURUSAN PERMOHONAN
PELAJAR MENGINAP DI KOLEJ KEDIAMAN
SEPANJANG TEMPOH PKPP/PKPB**



NOTA:

BKU – Bahagian Keselamatan Universiti

PKU – Pusat Kesihatan Universiti

PPKKP – Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

TNCHEPA – Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar & Alumni)

**Pejabat TNCHEPA
9 Disember 2020**

PROSES TERPERINCI

1. MULA

Proses Bermula

2. Mohon Menginap

Pelajar membuat permohonan untuk menginap di kolej kediaman melalui emel/surat dsb.

3. TNCHEPA?

Pelajar menghantar permohonan kepada TNCHEPA?

Jika 'Ya', ikut langkah 7

Jika 'Tidak', ikut langkah 4

4. Pengetua?

Pelajar menghantar permohonan kepada Pengetua kolej pelajar?

Jika 'Ya', ikut langkah 6

Jika 'Tidak', ikut langkah 5

5. Bilik Operasi Kolej Kediaman

Pelajar menghantar permohonan ke Bilik Operasi Kolej Kediaman di Kolej Pendeta Za'aba.

6. Pengesahan Pelajar Kolej

Pengetua membuat semakan dan mengesahkan keperluan pelajar mereka untuk menginap di kolej. Panjangkan permohonan ke Bilik Operasi Kolej Kediaman.

7. Semakan

Bilik Operasi Kolej Kediaman membuat semakan keperluan pelajar dan kesahihan maklumat/justifikasi permohonan pelajar.

8. Lulus?

Jika 'Ya', ikut langkah 9

Jika 'Tidak', proses tamat

9. Surat Kelulusan

Pegawai di bilik operasi akan menyediakan surat kelulusan untuk ditandatangani oleh TNCHEPA. Salinan surat kepada Pengarah PPKKP, Pengarah BKU, Ketua PKU, Pengetua Kolej (penempatan kuarantin) dan Pengetua Kolej pelajar.

10. Kuarantin?

Pegawai Perubatan PKU akan menghubungi pelajar untuk menilai tahap risiko/saring secara panggilan telefon/bersemuka. Jika didapati pelajar perlu dikuarantin ('Ya'), PKU hubungi kolej (penempatan kuarantin) dan ikut langkah 11. Jika 'Tidak', ikut langkah 12.

11. Penempatan Kuarantin

Pelajar melapor diri di kolej yang ditentukan untuk proses kuarantin. Ikuti semua SOP yang ditetapkan. Sebelum tempoh kuarantin berakhir, PKU akan membuat penilaian semula kesihatan pelajar.

12. Lapor Diri di Kolej Pelajar

Pelajar dibenarkan kembali ke kolej masing-masing.

13. TAMAT

Proses Tamat